



"PENGHAYATAN INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN"

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	1
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	3
<p>Sidang Jumaat yang berbahagia, Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua beroleh kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.</p>	4
<p>Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "PENGHAYATAN INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN".</p>	5
<p>Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah, Secara umumnya, integriti membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh. Penghayatan nilai-nilai integriti ini akan membawa kepada pembentukan keperibadian yang unggul. Ia juga adalah sejajar dengan tuntutan agama Islam yang mengajar umatnya supaya menghayati keperibadian akhlak yang mulia sebagaimana diperjuangkan oleh baginda Rasulullah SAW.</p>	6
<p>Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ</p> <p>"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak yang baik". (Riwayat al-Bukhari).</p>	7
<p>Oleh yang demikian, sebagai individu yang beragama Islam, kita hendaklah benar-benar menghayati nilai-nilai integriti. Kita juga hendaklah sentiasa berlaku amanah, jujur, adil, bertanggungjawab disamping menzahirkan sifat-sifat mahmudah yang lain seperti rajin, tekun, ikhlas, saling menyayangi dan berdisiplin kerana ianya merupakan tuntutan dalam agama. Apabila nilai-nilai integriti ini berjaya disemai dan diamatkan, maka secara tidak langsung akan dapat mewujudkan keluarga, warga kerja dan masyarakat yang berkeperibadian tinggi.</p>	8
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah, Ketiadaan penghayatan nilai-nilai integriti akan memberi kesan yang cukup besar dalam kehidupan kita. Antara kesan-kesan kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai integriti</p>	9



<p>yang perlu dipandang serius adalah:</p> <p>Pertama: peningkatan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.</p> <p>Integriti sering dikaitkan dengan isu rasuah. Rasuah adalah perbuatan yang haram dan bertentangan dengan syarak. Hukum memberi dan menerima rasuah adalah berdosa besar dan dilaknat ke atas kedua-duanya.</p>	
<p>Hadis daripada Abdullah Ibnu Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ</p> <p><i>"Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah".</i> (Riwayat Ibnu Hibban).</p>	10
<p>Pengertian rasuah bukan sahaja merujuk kepada kewangan semata-mata. Pengertian rasuah sebenarnya lebih luas meliputi penyelewengan, penyalahgunaan jawatan dan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan diri, keluarga dan pihak tertentu. Sekiranya nilai-nilai integriti tidak dihayati, maka jenayah rasuah menjadi semakin berleluasa.</p>	11
<p>Kedua: Hilang keberkatan dan keredhaan Allah SWT didalam kehidupan.</p> <p>Apabila seseorang individu itu tidak berintegriti dalam pekerjaannya, terutama dari sudut menjalankan tanggungjawab mencari rezeki yang halal namun terlibat dalam penipuan, pecah amanah tidak jujur, rasuah dan sebagainya, maka rezeki yang diperolehi daripada pekerjaan tersebut adalah haram sumbernya. Sesungguhnya perbuatan ini akan mengundang kemurkaan Allah SWT.</p>	12
<p>Hadis daripada Abdullah Ibnu Amru bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">كُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنْ حَرَامٍ فَالنَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ</p> <p><i>"Setiap daging yang tumbuh daripada hasil yang haram, maka nerakalah tempat yang lebih utama baginya".</i> (Riwayat at-Tirmizi).</p>	13
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Hadis yang saya bacakan tadi menunjukkan bahawa kehidupan orang seperti ini tidak akan memperolehi keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT, bahkan ada sebahagiannya telah ditimpa balasan ketika di dunia lagi seperti selalu ditimpa kesusahan, tiada ketenangan dalam hidup dan doanya tidak dimakbulkan oleh Allah SWT.</p>	14
<p>Ketiga: Negara menjadi lemah dan terdedah dengan pelbagai risiko keselamatan.</p> <p>Kita telah mendengar daripada beberapa kisah sejarah tamadun kemanusiaan seperti tamadun 'Aad, Tsamud, Greek, Yunani, Parsi dan sebagainya. Kesemuanya telah dimusnahkan oleh Allah SWT disebabkan kerakusan pemimpin dan pengikut yang tidak berintegriti. Sifat-sifat mazmumah menguasai diri mereka seperti tamak, dengki, khianat, zalim, takabbur dan sebagainya telah mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat dan boleh mendedahkan negara kepada risiko keselamatan.</p>	15
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah ini, beberapa langkah telah dikenal pasti dalam menerap dan memperkukuhkan pembudayaan serta penghayatan nilai-nilai integriti dalam kehidupan kita, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah memantapkan pegangan iman dan menguatkan ketinggian sahsiah dalam diri kerana iman dan keperibadian yang tinggi sahaja dapat memastikan seseorang itu istiqamah dalam melazimi sifat-sifat mahmudah dan	16



<p>integriti dalam diri. Apabila individu itu mempunyai keimanan dan nilai-nilai integriti, maka ia menjadi perisai yang paling ampuh dalam menolak amalan-amalan yang negatif dalam masyarakat seperti rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah.</p>	
<p>Hadis daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: right;">لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ</p> <p>“Tidak sempurna Iman orang yang tidak amanah”.</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Imam Ahmad).</p>	17
<p>2. Umat Islam hendaklah menekankan aspek asuhan dan pendidikan integriti bermula dari peringkat awal kanak-kanak dan seterusnya di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.</p>	18
<p>3. Penguatkuasaan undang-undang perlu terus menerus dipergiatkan supaya masyarakat sedar akan kemudaratannya pengabaian nilai-nilai integriti yang boleh mengundang berlakunya jenayah dan mengancam keselamatan Negara.</p> <p>4. Penerangan berkenaan nilai-nilai integriti hendaklah ditingkatkan oleh semua pihak agar ia menjadi budaya amalan dalam masyarakat.</p>	19
<p style="text-align: right;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>✽ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾</p>	20
<p>“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat”.</p> <p style="text-align: right;">(an-Nisa-58).</p>	21
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	22
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	23



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	24
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	25
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>	26
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	27
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	28
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	29



<p>سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاحُور، تَعَكُّو أَمِيرِ شاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.</p>	30
<p>اللَّهُمَّ أَطْلِ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	31
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.</p>	32
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.</p>	33
<p>Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.</p>	34
<p>Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.</p>	35
<p>Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.</p>	36
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا</p>	37



<p>ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	<p>38</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>39</p>